

Lelaki warga asing salah guna dadah dipenjara enam bulan

MIRI: Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tindakan lanjut selepas selesai menjalani hukuman penjara tersebut.

Tertuduh, Herman Jayadi, 31, dari Lombok, Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 15 (1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di

bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya

jenis Methamphetamine dan Amphetamine yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 12.15 tengah hari, 19 April lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.